

WARTA SAWIT

Jangan lepaskan
peluang
memenangi RM50
Sertai Kuiz Sawit
SEKARANG!!!

Boleh didapati secara on-line di <http://palmoilis.mpob.gov.my/V4/warta-sawit>

Naskhah PERCUMA terbitan Bahagian Pengembangan Pekebun Kecil dan Pensijilan

Bil. 86 (1)/Jan-Apr 2024



KEPENTINGAN TANAM SEMULA SAWIT INSENTIF KERAJAAN RM100 JUTA

KEPADA PEKEBUN KECIL SAWIT PERSENDIRIAN

ISSN 1394-4975



MPOB

Penerbit MPOB

Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Kementerian Perladangan dan Komoditi
6 Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.
Tel: 03-8769 4400 Faks: 03-8925 9446 www.mpob.gov.my



Sidang Penerbit

PENASIHAT

Datuk Dr. Ahmad Parveez Hj. Ghulam Kadir

PENGERUSI

Dr. Ramle Moslim

TIMBALAN PENERUSI/ KETUA PENYUNTING

Dr. Zaki Aman

PENYUNTING

Dr. Meilina Ong Abdullah
Mohd Saufi Awang
Iptisam Abdul Wahab
Johari Minal
Hj. Khairuman Hashim
Dr. Anita Taib
Dr. Norkaspi Khasim
Mohd Shahrin Rahami
Raja Zulkifli Raja Omar

SETIAUSAHA

Shafirul Ab. Wahab

EDITORIAL

Humaira Mat Taib
Zaidiana Mohd Zaid
Nurul Safinaz Nor Fauzi
Anizah Othman
Rizal Abd Rahim
Akram Mohamad Ismail

KANDUNGAN

- Dari Meja Ketua Penyunting **2**
- Kepentingan Tanam Semula Sawit oleh Pekebun Kecil Persendirian **4**
- Sudut Teknologi **10**
- Ulasan Isu Semasa Melangkah Ke Hadapan: Memahami Isu dan Cabaran Utama Industri Sawit Malaysia **13**
- Kuiz Sawit **15**
- Berita Bergambar **18**
- Tahukah Anda? **22**
- Diari & Program **24**
- Prestasi Sawit **28**
- Peladang Jaya **31**
- Direktori MPOB **33**

Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak boleh dianggap dipersetujui MPOB.



DARI MEJA KETUA PENYUNTING



Dr. Zaki Aman

Pengarah Bahagian Pengembangan
Pekebun Kecil dan P sijilan
zaki@mpob.gov.my

Malaysia merupakan pengeluar minyak sawit kedua terbesar dunia selepas Indonesia. Kawasan tanaman sawit Malaysia berkembang daripada 0.64 juta hektar pada 1975 kepada 5.65 juta hektar pada 2023. Selari dengan perkembangan kawasan tanaman sawit, pengeluaran minyak sawit mentah (MSM)

Malaysia turut meningkat daripada 1.26 juta tan pada 1975 kepada 18.55 juta tan pada 2023. Malaysia mempunyai kekangan sumber tanah pertanian baharu yang tersedia untuk penanaman sawit. Akibat keluasan tanah yang terhad, Malaysia perlu memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan produktiviti hasil buah tandan segar (BTS) di kawasan tanaman sawit sedia ada. Bagi memastikan industri sawit negara kekal berdaya saing, terdapat beberapa usaha yang boleh dilaksanakan, antaranya melalui pelaksanaan program tanam semula sawit. Aktiviti penanaman semula bagi pokok-pokok sawit yang usianya telah menjangkau 25 tahun dan ke atas adalah penting bagi mengoptimumkan hasil BTS.

Sehubungan itu, RM100 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan untuk pelaksanaan program tanam semula sawit yang disediakan untuk pekebun kecil persendirian. Program ini dinamakan sebagai Program Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit 2.0 (TSPKS 2.0) yang telah mula dilaksanakan pada awal 2024. Usaha ini dapat meningkatkan bilangan pokok sawit matang penuh yang lebih produktif untuk jangka masa panjang seterusnya membantu meningkatkan produktiviti hasil BTS negara.

Bagi meningkatkan pengetahuan berkaitan penggunaan hasil sawit, Sudut Teknologi kali ini akan menerangkan secara terperinci kesan vitamin E tokotrienol sawit terhadap penyakit arthritis autoimun peringkat pra-klinikal. Minyak sawit adalah sumber terkaya vitamin E tokotrienol semula jadi selain daripada tokoferol. Vitamin larut lemak ini sebenarnya adalah nutrien penting untuk badan. Vitamin E adalah anti-oksidan dan anti-radikal. Ia mengurangkan kerosakan yang disebabkan oleh radikal bebas. Pengambilan vitamin E boleh mengurangkan tekanan oksidatif dan membantu mencegah kerosakan sistem imun. Hasil kajian diterangkan secara terperinci pada edisi kali ini.

Sudut Tahukah Anda kali ini menerangkan pelaksanaan Kempen Kemas Kini Maklumat Pekebun Kecil Persendirian (PKP) oleh MPOB. Kempen ini telah bermula pada 1 Januari 2024 dan akan tamat pada 31 Disember 2024. Melalui inisiatif kempen ini, PKP

dapat mengemas kini maklumat lesen mereka secara percuma, di mana PKP tidak perlu membayar fi pindaan maklumat lesen bernilai RM50. Hebahkan berkenaan pelaksanaan kempen ini telah dikeluarkan di semua platform media sosial rasmi MPOB seperti Facebook, Instagram, Tik Tok dan Youtube. Pekebun kecil boleh menyemak carta alir tatacara pengemaskinian yang diterangkan dalam artikel tersebut.

Untuk Edisi Peladang Jaya kali ini, kami mengetengahkan pekebun kecil sawit dari Zon Sarawak 2 iaitu Emperan Anak Ngalambong, 56 tahun. Beliau menetap di Rumah Panjang Tuai Rumah Changgai Anak Dali, Sungai Sah, Ulu Niah, Batu Niah, Sarawak. Tanaman sawit beliau berkeluasan 39.75 ha dan hasil bulanan BTS tertinggi pada tahun 2021 adalah sebanyak 93.09 tan, manakala bagi tahun 2022 sebanyak 97.37 tan. Selain itu, dalam tempoh 19 tahun, beliau juga menanam tanaman lain seperti getah, lada, koko serta menternak ayam dan itik. Sebagai salah seorang daripada Ahli Lembaga Koperasi (ALK) KPSM Niah-Suai Berhad dan memegang jawatan Bendahari, beliau merupakan seorang yang aktif menyumbang idea dan pandangan kepada perniagaan KPSM.

Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit akan diadakan pada 20 hingga 21 Ogos 2024 di Hotel Holiday Inn, Melaka dan bagi mereka yang terlibat secara langsung dengan industri sawit terutama pekebun kecil dialu-alukan menyertai seminar ini.

Sudut Renungan



Anas bin Malik R.A. berkata bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda yang bermaksud: "Tidak ada seorang pun di antara orang Islam yang menanam pokok-pokok atau bercucuk tanam lalu dimakan daripada tanam-tanamannya itu oleh burung-burung, manusia atau binatang-binatang melainkan jadilah semuanya itu sebagai sedekah".

Hadith diriwayatkan oleh al-Bukhari (2320)

Di dalam hadith ini, Rasulullah S.A.W menggalakkan umat Islam supaya mencari rezeki yang halal daripada titik peluh dan tenaga sendiri, dan antaranya adalah bercucuk tanam. Pekerjaan sebagai peladang, petani, pekebun, pesawah dan sebagainya adalah dipandang mulia di sisi Islam kerana ia banyak memberi faedah kepada penghidupan sendiri, menolong menegakkan ekonomi bangsa, negara dan membantu mempercepatkan usaha-usaha kerajaan dalam pembangunan negara.

KEPENTINGAN TANAM SEMULA SAWIT OLEH PEKEBUN KECIL PERSENDIRIAN



Penulis:

Mohd Noor Izuddin Zanal Bidin;
Ainul Hani Abu Bakar; Rahmahwati
Rasuddin dan Nurul Aida Abu
Bakar
izuddin@mpob.gov.my

Malaysia pernah menjadi pengeluar minyak sawit terbesar dunia pada suatu ketika dahulu. Namun, kini Malaysia merupakan pengeluar minyak sawit kedua terbesar dunia selepas Indonesia. Kawasan tanaman sawit Malaysia berkembang daripada 0.64 juta hektar pada 1975 kepada 5.65 juta hektar pada 2023. Selari dengan perkembangan kawasan tanaman sawit, pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) Malaysia turut meningkat daripada 1.26 juta tan pada 1975 kepada 18.55 juta tan pada 2023.

Walau bagaimanapun, sejak 2016 keluasan tanaman sawit Malaysia tidak menunjukkan pertambahan (*Rajah 1*). Ini adalah kerana Malaysia mempunyai kekangan sumber tanah pertanian baharu yang tersedia untuk penanaman sawit. Akibat keluasan tanah yang terhad,

Malaysia perlu memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan produktiviti hasil buah tandan segar (BTS) di kawasan tanaman sawit sedia ada. Selain itu, kebergantungan industri sawit terhadap pekerja asing untuk melakukan aktiviti-aktiviti perladangan bermula daripada penanaman hinggalah penuaian tandan sawit juga turut membimbangkan dan mampu menjejaskan daya saing industri sawit negara.


Sehubungan itu, bagi memastikan industri sawit negara kekal berdaya saing, terdapat beberapa usaha yang boleh dilaksanakan, antaranya melalui pelaksanaan program tanam semula sawit. Aktiviti penanaman semula bagi pokok-pokok sawit yang usianya telah menjangkau 25 tahun dan ke atas adalah penting bagi mengoptimumkan hasil BTS.

Keperluan pelaksanaan program tanam semula sawit oleh pekebun kecil persendirian melibatkan pelbagai faktor seperti:

1. Penurunan produktiviti sawit;
2. Umur pokok sawit tua dan tidak produktif;
3. Pertambahan ketinggian pokok sawit;
4. Pembangunan dan penstrukturan semula kawasan tanaman sawit sedia ada; dan
5. Kesan kerugian terhadap pendapatan negara di sektor sawit.

Penurunan Produktiviti Sawit

Penurunan produktiviti sawit merupakan petunjuk awal yang boleh dijadikan indikator kepada keperluan tanam semula sawit. Penurunan produktiviti sawit secara tidak langsung turut menjejaskan pendapatan



Sumber: MPOB (2024).

Rajah 1. Keluasan tanaman sawit Malaysia (1975-2023).

pekebun kecil dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan kos pengurusan sawit. Pekebun kecil persendirian yang memiliki pokok sawit berusia melebihi 25 tahun dengan anggaran kadar keberhasilan sawit sebanyak 10 tan/ha/tahun layak mempertimbangkan keputusan untuk melaksanakan tanam semula sawit. Pekebun kecil persendirian tersebut juga merupakan golongan yang disasarkan untuk menyertai program tanam semula sawit (Fauziah *et al.*, 2017).

Umur Pokok Sawit Tua dan Tidak Produktif

Kebiasaannya, pokok sawit akan mula mengeluarkan hasil selepas 30 bulan ditanam di ladang/kebun iaitu pada tahun ketiga selepas penanaman. Berdasarkan kepada bancian profil hasil BTS nasional yang dijalankan pada 2008 (Rajah 2), didapati secara purata hasil BTS pada tahun ketiga penanaman oleh pekebun kecil adalah sebanyak 4.25 tan/ha/tahun. Seterusnya, purata hasil BTS bagi pekebun kecil meningkat sehingga mencapai kemuncak umur pokok 10 hingga 15 tahun iaitu sekitar 17 hingga 19 tan/ha/tahun. Namun begitu, purata hasil BTS kemudiannya akan mula menurun secara perlahan-lahan dan mendatar sehingga umur pokok sawit melebihi 25 tahun.

Penurunan produktiviti hasil sawit ini boleh diatasi melalui pelaksanaan program tanam semula melalui penggunaan anak benih sawit


yang berkualiti. Pelaksanaan program tanam semula sawit juga bertujuan untuk meningkatkan pokok sawit matang yang berhasil tinggi, selain mengurangkan keluasan pokok sawit tua dan tidak produktif. Menurut Malaysian Palm Oil Association (MPOA), industri sawit negara akan menghadapi risiko yang membimbangkan menjelang 2027 jika pelaksanaan tanam semula sawit ditangguhkan (The Star, 2023).

Pertambahan Ketinggian Pokok Sawit

Ketinggian pokok sawit bertambah, selari dengan pertambahan usia pokok sawit. Ketinggian pokok sawit mampu mencapai sehingga 10 m atau lebih pada usia sawit 25 hingga 30 tahun (Rajah 3) sebelum pokok sawit ini mula ditebang dan ditanam semula (Zulkifli, 2010). Kos operasi kawasan pokok sawit yang berumur melebihi 25 tahun (sawit tua) lebih tinggi berbanding kawasan sawit yang masih di peringkat muda (4-8 tahun) dan matang (9-18 tahun).

Pembangunan dan Penstrukturan Semula Kawasan Tanaman Sawit

Salah satu kelebihan yang bakal dimiliki oleh pemilik ladang sawit yang mempertimbangkan untuk melaksanakan tanam semula sawit adalah mereka berpeluang untuk membaik pulih kawasan yang telah ditanam sawit sebelum ini. Ini termasuklah perancangan semula bagi



Sumber: MPOB (2008).

Rajah 2. Hasil purata buah tandan segar oleh pekebun kecil dan estet.



Rajah 3. Pokok sawit tua tidak produktif dan boleh mencapai ketinggian 12 m.

program tanaman sawit baharu seperti pemilihan dan penggantian anak benih sawit yang berkualiti, selain penentuan jarak tanaman yang lebih sesuai dapat dilakukan bersesuaian dengan varieti anak benih sawit baharu yang dipilih serta perancangan semula bagi aktiviti pembajaan dan penyelenggaraan yang bersesuaian.

Selain itu, mereka juga turut berpeluang merancang dan mereka bentuk semula fasiliti ladang seperti jalan ladang dan longkang/parit bersesuaian dengan sawit yang akan ditanam kelak. Perancangan semula jalan ladang adalah sangat penting bagi memudahkan aktiviti pengangkutan BTS, penyesuaian bagi aktiviti mekanisasi ladang selain memudahkan aktiviti penyelenggaraan kawasan tanaman sawit. Manakala perancangan semula bagi manambah dan membaik pulih fasiliti ladang sedia ada seperti longkang atau parit adalah sangat penting terutama bagi kawasan tanaman sawit yang pernah mengalami kesan banjir atau takungan air yang lama di ladang.

Kesan Kerugian Terhadap Pendapatan Negara di Sektor Sawit

Hasil BTS Malaysia telah menunjukkan tiada peningkatan malahan menurun bermula pada tahun 2016. Sehubungan itu, bagi membantu meningkatkan produktiviti hasil BTS, digalakkan untuk menanam semula 4% hingga 5% daripada jumlah keluasan tanaman sawit pada setiap tahun. Namun, purata kadar


tanam semula pokok sawit di Malaysia bagi tempoh 10 tahun lalu adalah rendah iaitu hanya 2% setahun. Jika kadar tanam semula dipertingkatkan kepada 5% setahun mulai tahun 2024, dianggarkan tiada tunggakan keluasan pokok sawit tua pada 2026. Seterusnya, melaksanakan sekurang-kurangnya 4% tanam semula pada tahun-tahun berikutnya berpotensi meningkatkan produktiviti hasil BTS.

Jika kadar tanam semula yang hanya 2% setahun bagi tempoh 10 tahun akan datang, dijangka industri akan kerugian sebanyak RM44.91 bilion berbanding jika aktiviti tanam semula dijalankan dengan kadar 5% setahun. Pendapatan kerajaan juga akan turut terjejas dengan anggaran penyusutan sebanyak RM3.47 bilion.

Kesimpulan

Pelan perancangan khusus kepada pekebun kecil persendirian telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk mengurangkan peratusan pokok sawit tua atau kurang produktif. Sehubungan itu, RM100 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan untuk pelaksanaan program tanam semula sawit yang disediakan untuk pekebun kecil persendirian. Program ini dijenamakan sebagai Program Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit 2.0 (TSPKS 2.0) yang telah mula dilaksanakan pada awal 2024. Usaha ini dapat meningkatkan populasi pokok sawit matang penuh yang lebih produktif untuk jangka masa panjang

“Usaha ini dapat meningkatkan populasi pokok sawit matang penuh yang lebih produktif untuk jangka masa panjang dan seterusnya membantu meningkatkan produktiviti hasil BTS negara.”



Rajah 4. (a) Kerja-kerja menolak, menebang dan meracik pokok sawit tua, (b) pembinaan semula fasiliti ladang seperti teres dan jalan ladang, (c) pembinaan parit dan (d) penanaman anak benih sawit yang berkualiti.

dan seterusnya membantu meningkatkan produktiviti hasil BTS negara.

Rujukan

Fauziah, A; Siti Mashani, A; Ayatollah, K; Anis, M; Raja Zulkifli, R O dan Zulkifli, A M (2017). *Economic benefits of oil palm replanting*. *Oil Palm Replanting: Little Steps to a Giant Leap* (Kushairi, A D; Balu, N dan Ismail, A penyunting). MPOB, Bangi. 190 m.s.

Zulkifli, H; Halimah, M; Chan, K W; Choo, Y M dan Basri, W (2010). *Life cycle assessment for oil palm fresh fruit bunch production from continued land use for oil palm planted on mineral soil (Part 2)*. *J. Oil Palm Res.*, 22: 887-894.

The Star (2023). *MPOA: Dire need for oil palm replanting*. *The Star: Plantations edition*. <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2023/09/12/mpoa-dire-need-for-oil-palm-replanting>.

PENGUMUMAN AWAL

Persidangan Kebangsaan
PEKEBUN
Kecil Sawit 2024

20 - 21 Ogos 2024 • Hotel Holiday Inn, Melaka



KEMENTERIAN PERLADANGAN
DAN KOMODITI



M P O B

**Pekebun Lestari,
Memperkasa
Ekonomi**

Siapa Perlu Hadir?

Warganegara Malaysia terdiri daripada pekebun kecil, pengusaha sawit, peniaga sawit, pengurus dan penyelia estet, pembekal input pertanian, ahli akademik, penuntut universiti, pegawai agensi-agensi pembangunan dan pembangunan, pegawai bank dan mereka yang berminat dalam industri sawit.

Untuk pertanyaan lanjut,
sila hubungi:

 **Humaira Mat Taib**

 03-8769 4361

 pkpks@mpob.gov.my

**Tuntutan
HRDC***

*untuk syarikat
yang mencarum
HRD Corp
sahaja.

**Untuk maklumat
lanjut, layari:
www.mpob.gov.my**

Baja Sebatian berkualiti untuk penghasilan sawit yang tinggi



Baja **MPOB F1** dan **MPOB F1 Xtra K** adalah baja sebatian yang mengandungi nutrien yang seimbang dan merupakan keperluan asas untuk diberikan kepada tanaman dalam menghasilkan pengeluaran hasil sawit yang lebih tinggi dan berkualiti.

KELEBIHAN PRODUK:

- Menambah hasil pengeluaran tanaman
- Meningkatkan kualiti buah
- Bertindak sebagai baja pelepasan perlahan



UNION HARVEST SDN. BHD. (025690-P)
4th Floor, Block A, Menara PKNS-PJ,
No. 17, Jalan Yong Shook Lin,
46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

T: +603 7957 2122

E: ask@unionharvest.com

F: +603 7957 2630

W: <http://mpobf1.com>

SUDUT TEKNOLOGI

KEBAIKAN VITAMIN E TOKOTRIENOL SAWIT TERHADAP PENYAKIT SENDI



Penulis:
Dr. Zaida Zainal dan
Afiqah Abdul Rahim
zaida@mpob.gov.my

Pengenalan

Minyak sawit adalah sumber terkaya vitamin E tokotrienol semula jadi selain daripada tokoferol. Vitamin larut lemak ini sebenarnya adalah nutrien penting untuk badan. Terdapat empat jenis tokotrienol (T3) yang terdapat dalam minyak sawit iaitu α -, β -, γ - dan δ -tokotrienol. Setiap tokotrienol individu mempunyai sifat unik yang bermanfaat. Vitamin E adalah anti-oksidan dan anti-radikal. Ia mengurangkan kerosakan yang disebabkan oleh radikal bebas. Pengambilan vitamin E boleh mengurangkan tekanan oksidatif dan membantu mencegah kerosakan sistem imun (Zainal *et al.*, 2022). Pecahan kaya tokotrienol (TRF) daripada minyak sawit mempunyai peratusan 30% tokoferol dan 70% tokotrienol serta kaya dengan γ -T3, α -T3 dan δ -T3 dengan sedikit β -tokotrienol.

Terdapat dua jenis penyakit sendi (arthritis) iaitu *rheumatoid* (RA) dan *osteoarthritis* (OA). OA adalah penyakit sendi semula jadi disebabkan peningkatan umur, di mana sendi menjadi haus dan lusuh secara semula jadi. RA pula

merupakan penyakit sendi sistemik yang menjejaskan sendi radang dengan teruk. Sendi akan membengkak dan terasa sakit. Ia boleh berlaku pada semua lapisan umur atau disebabkan berat badan yang berlebihan atau kecederaan. RA berlaku akibat sel imun menyerang sendi, menyebabkan degradasi rawan, penyusutan leukosit dan hakisan tulang akibat mediator pro-radang (Zainal *et al.*, 2019). RA juga berkait dengan ciri degeneratif dalam sendi iaitu peningkatan sitokin pro-radang.

Ubat-ubatan seperti *nonsteroidal anti-inflammatory drugs* (NSAID) sering digunakan bagi merawat arthritis terutama RA. Tapi kesan negatif jangka panjang NSAID menghadkan penggunaannya dalam merawat RA. TRF daripada minyak sawit merupakan antioksidan semula jadi, mempunyai sifat anti-radang. Ia dapat menghalang arthritis radang tanpa kesan sampingan (Zainal *et al.*, 2019).

Selain vitamin E, minyak sawit mengandungi fitonutrien termasuk karotena iaitu pro-vitamin A, sterol, skualena, koenzim Q10, fosfolipid dan polifenol. Fitonutrien ini memainkan peranan penting dalam mencegah penyakit kronik.

Terdapat beberapa jenis tokotrienol dijual di farmasi di Malaysia seperti Tocovid, Natrieo dan lain-lain.

Kajian Pra-Klinikal

Tikus betina digunakan dalam kajian pra-klinikal mengikut Garis Panduan Kebajikan Haiwan Kebangsaan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Penjagaan dan Penggunaan Haiwan Institusi Universiti Putra Malaysia (UPM). Keberkesanan TRF terhadap radang penyakit sendi telah diuji bagi tempoh rawatan selama 25 hari dan tempoh kajian keseluruhan selama 45 hari (*Rajah 1*).


Kesan TRF pada Penilaian Radang Arthritis

Pembengkakan (edema) kaki dinilai dengan mengukur diameter kaki tikus menggunakan






- ✓ Tikus betina spesies Dark Agouti
- ✓ Usia 6-10 minggu
- ✓ Berat 100-150g



Rajah 1. Proses kajian pra-klinikal kesan tokotrienol terhadap radang arthritis.




Rajah 2. Lilitan pergelangan kaki kumpulan (a) tikus kawalan, (b) tikus arthritis dan (c) tikus arthritis + TRF (mengalami arthritis dan diberi tambahan TRF).


angkup digital bermula dari hari 0 sehingga tikus dimatikan pada hari ke-45 (Rajah 2). Tikus menunjukkan tanda keradangan sendi pada hari ke-7 selepas disuntik dengan arthritis dan berterusan hingga hari ke-28. Selepas rawatan TRF, purata ukuran lingkar kaki tikus arthritis menurun secara mendadak mencapai 0.2 cm selepas 45 hari. Ia sama seperti tikus yang bukan arthritis. Manakala, edema kaki tikus arthritis yang dirawat tanpa TRF meningkat dengan ketara.

Morfologi

Bentuk morfologi kaki tikus arthritis yang dirawat TRF dan tidak dirawat ditunjukkan dalam Rajah 3. Rawatan TRF diberi bermula hari ke-21 dan haiwan diberi makan setiap hari sehingga hari ke-45. Kaki tikus arthritis yang tidak dirawat membengkak kemerahan pada sendi (Rajah 3b). Sebaliknya, sendi tikus arthritis yang dirawat TRF menunjukkan pengurangan bengkak dan kemerahan (Rajah 3c) berbanding tikus arthritis yang tidak dirawat.



Rajah 3. (a) Kaki tikus sebelum suntikan CIA, (b) pembengkakan pada tapak kaki tikus pada hari ke-20 selepas suntikan CIA; sebelum rawatan TRF dan (c) kaki tikus pada hari ke-49 selepas suntikan CIA dan 29 hari selepas rawatan TRF.



Rajah 4. Perubahan dalam ketumpatan mineral tulang bagi tikus kawalan, tikus arthritis dan tikus arthritis yang dirawat TRF.

Analisis Perubahan Ketumpatan Mineral Tulang

Purata ketumpatan tulang tikus dikira melalui pengimbas tomografi (CT) (Rajah 4). Tikus arthritis dirawat TRF menunjukkan peningkatan ketumpatan yang tinggi berbanding dengan tikus arthritis yang tidak dirawat.

Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan rawatan TRF dapat mengurangkan kerosakan sendi serta mengurangkan keradangan pada sendi kaki tikus. Rawatan TRF memperlambatkan perkembangan arthritis dengan ketara dengan menghalang keradangan yang berterusan dan kerosakan rawan. Walau bagaimanapun, kajian kami menggunakan model tikus arthritis yang tidak sepenuhnya meniru penyakit RA pada manusia. Jumlah TRF yang digunakan pada haiwan mungkin tidak sama dengan

yang diperlukan untuk pesakit manusia yang mengalami RA. Kajian klinikal pada pesakit RA sedang dilakukan oleh MPOB dengan kerjasama Hospital Sultan Idris Shah Serdang, Selangor. Kajian telah selesai dan menunjukkan keputusan positif namun analisis data dan penulisan jurnal sedang disiapkan.

Rujukan

Zainal, Z; Rahim, A A; Radhakrishnan, A K; Chang, S K dan Khaza'ai, H (2019). *Investigation of the curative effects of palm vitamin E tokotrienols on autoimmune arthritis disease in vivo*. *Sci. Rep.*, 9(1): 16793.

Zainal, Z; Khaza'ai, H; Radhakrishnan, A K dan Chang, S K (2022). *Therapeutic potential of palm oil vitamin E-derived tokotrienols in inflammation and chronic diseases: Evidence from preclinical and clinical studies*. *Food Res. Int.*, 156: 111175.

ULASAN ISU SEMASA

MELANGKAH KE HADAPAN: MEMAHAMI ISU DAN CABARAN UTAMA INDUSTRI SAWIT MALAYSIA



Penulis:
Nik Aznizan Nik Ibrahim
aznizan@mpob.gov.my

Malaysia menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha untuk memacu kecemerlangan industri sawit negara bagi melonjakkannya ke peringkat yang lebih tinggi. *Rajah 1* menunjukkan antara isu-isu semasa dan cabaran-cabaran utama yang memberi impak besar kepada eksport produk sawit Malaysia serta mempengaruhi transformasi industri ini ke arah yang lebih mampan dan berdaya saing.

Cabaran-cabaran ini akan terus diterima daripada pihak-pihak berkepentingan seperti negara pengeluar minyak sayuran lain yang mengambil pendekatan fahaman proteksionisme memandangkan minyak sawit merupakan minyak yang berkhasiat, berproduktiviti tinggi dan mampu ditawarkan pada harga yang kompetitif.

Tanaman sawit terkenal dengan produktiviti yang tinggi berbanding tanaman minyak sayuran lain. Penghasilan minyak sawit boleh mencecah 8.0 tan/ha/tahun, manakala pesaing utamanya, tanaman kacang soya hanya mampu menghasilkan sehingga 3.5 tan minyak kacang soya sehektar dalam tempoh setahun menurut laporan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO).

Selain kelebihan dalam aspek guna tanah, minyak sawit juga amat berkhasiat dan baik untuk kesihatan. Khasiat pemakanan yang tinggi dalam minyak sawit, sesuai digunakan dalam formulasi makanan berfungsi menggunakan komponen mikronutrien sawit seperti pecahan yang kaya dengan tokotrienol (TRF), karotena, skualena dan koenzim Q10.

Kelebihan sebegini bagi minyak sawit menjadikan ia lebih berdaya saing berbanding minyak sayuran lain seperti minyak kacang soya, minyak bunga matahari dan minyak biji sesawi. Isu kemampanan menjadi fokus utama dalam industri sawit Malaysia di peringkat antarabangsa. Tekanan daripada pelbagai pihak termasuk pengguna, badan bukan kerajaan (NGO), dan badan antarabangsa menyebabkan tuntutan untuk amalan pertanian baik dan pematuhan kepada standard kemampanan yang lebih ketat. Malaysia terus berusaha untuk memenuhi tuntutan ini dengan memperkenalkan inisiatif-inisiatif seperti Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) untuk memastikan pengeluaran sawit negara mematuhi piawaian kemampanan yang tinggi. Pekebun kecil perlu memastikan bahawa pengeluaran mereka mematuhi standard kemampanan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan dan antarabangsa. Ini termasuklah amalan pertanian yang baik dan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan alam sekitar.

Peningkatan kesedaran pengguna terhadap isu alam sekitar dan sosial berkaitan pengeluaran sawit menyebabkan peningkatan tekanan daripada pihak pengguna dan NGO. Tuntutan untuk pengendalian hutan tropika, pematuhan kepada hak asasi manusia, dan amalan pertanian yang lebih mampan semakin meningkat, memerlukan industri sawit Malaysia untuk terus meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan amalan yang beretika dalam pengeluaran sawit.

Di samping itu, industri sawit Malaysia juga menghadapi tekanan ekonomi dan pasaran. Perubahan harga minyak sawit mentah, ketidakstabilan ekonomi global dan perubahan dalam permintaan pasaran dunia turut memberi kesan kepada pendapatan industri sawit Malaysia.

Keperluan untuk terus meningkatkan teknologi dan inovasi dalam pengeluaran sawit menjadi cabaran teknikal yang penting. Malaysia perlu terus mengemas kini amalan pertanian, pengeluaran, dan pengurusan hutan untuk memastikan industri sawit negara kekal kompetitif dan mampan dalam jangka panjang.

Dengan menghadapi cabaran-cabaran ini dengan berkesan, industri sawit Malaysia dapat terus mengekalkan peranan pentingnya dalam ekonomi negara sambil memastikan kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan sosial komuniti yang terlibat. Ini memerlukan kerjasama dan komitmen semua pihak termasuk pihak kerajaan, pemain industri, pekebun

kecil, NGO, dan masyarakat untuk mencapai matlamat kelestarian dan keberhasilan industri sawit Malaysia di peringkat antarabangsa. Berbekalkan kesungguhan, dan pendekatan

yang bersepadu, pekebun kecil boleh menjadi rakan kongsi yang penting dalam memastikan kelestarian dan kejayaan jangka panjang industri sawit Malaysia.



Rajah 1. Isu semasa dan cabaran utama dihadapi oleh industri sawit.

Bagi mendapatkan senarai penuh tapak semaian yang mempunyai Kod Amalan Baik Nurseri Sawit (CoPN), sila layari: <http://copn.mpob.gov.my/index.php/elementor-2875/>



????????? **Kuiz Sawit** ???????????

Tiga pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah **RM50** sekiranya berjaya menjawab lima soalan dengan tepat. Hanya tiga penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

Syarat penyertaan

- Terbuka kepada pembaca *Warta Sawit*, kecuali anggota Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan ahli keluarga;
- Tulis jawapan sama ada dengan tulisan tangan atau taip;
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **30 JUN 2024**; dan
- Keputusan juri adalah muktamad

Hantar jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas kepada:

Kuiz Warta Sawit
Lembaga Minyak Sawit Malaysia,
6 Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.
 u/p: Unit Khidmat Pengembangan,
 Bahagian Pengembangan Pekebun Kecil
 dan Pensijilan

melalui Aplikasi *WhatsApp* 017-821 9693
 ATAU emelkan kepada wartasawit@mpob.gov.my

**WHATSAPP
SEKARANG !!!
017-821 9693
PENGHANTARAN
BORANG PENILAIAN
MELALUI
APLIKASI
WHATSAPP**

**SUMBER MAKLUMAT
UNTUK MENJAWAB
SOALAN KUIZ
INI ADALAH
BERDASARKAN
ARTIKEL-ARTIKEL
DALAM WARTA
SAWIT BIL. 86(1)/
JANUARI-APRIL 2024.**

**JANGAN
LEPASKAN
PELUANG
MEMENANGI
RM50
MELALUI APLIKASI
WHATSAPP**

SOALAN KUIZ SAWIT BIL. 86(1)/ JANUARI-APRIL 2024

1. Minyak sawit mengandungi dua sumber vitamin E iaitu?
 - a) Sterols dan tokoferol
 - b) Tokotrienol dan skualena
 - c) Tokotrienol dan tokoferol
 - d) Skualena dan koenzim Q10

2. Apakah kebaikan tokotrienol berasaskan sawit?
 - a) Merawat keradangan sendi
 - b) Memekatkan darah
 - c) Meningkatkan paras gula
 - d) Mencegah pembentukan sel baharu
3. Manakah bantuan yang disediakan oleh kerajaan melalui MPOB bagi menggalakkan pekebun kecil persendirian menyertai aktiviti penanaman semula sawit?
 - a) Skim Insentif Integrasi Tanaman dengan Sawit (ITa)
 - b) Skim Insentif Pembiayaan Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS 2.0)
 - c) Skim Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITe)
 - d) Skim Diskaun Cantas (SKIDIC)
4. Berapakah bayaran yang dikenakan kepada pekebun kecil untuk mengemas kini data mereka dalam tempoh kempen bermula 1 Januari 2024 dan tamat 31 Disember 2024?
 - a) Percuma
 - b) RM50
 - c) RM100
 - d) RM150
5. Apakah laman utama untuk pekebun kecil untuk mengemas kini data?
 - a) <http://e-lesenpk.mpob.gov.my>
 - b) <https://e-lesen.mpob.gov.my>
 - c) <https://mpob.gov.my>
 - d) <http://palmoilis.mpob.gov.my>

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____


No. Telefon : _____

Alamat : _____

**JAWAPAN SOALAN KUIZ WARTA SAWIT
BIL. 85(3)/ SEP-DIS 2023**

1. D 2. B 3. D 4. C 5. C

AA Hybrid IS



**KANDUNGAN
MINYAK YANG
TINGGI**



**DIKTIRAF OLEH
SIRIM DAN MPOB**



**KESERAGAMAN
YANG TINGGI**



**KAWALAN KUALITI
YANG KETAT**



**KELAPA SAWIT
RENDAH DAN PADAT**



**LEBIH BANYAK
TANDAN**



**SOKONGAN
MANTAP R&D**



Hasil FFB (t/ha/yr) oleh AA Hybrid IS & AA DxP dalam persekitaran pertumbuhan yang kondusif

AA Hybrid IS

Hasil minyak (t/ha/yr) oleh AA Hybrid IS & AA DxP dalam persekitaran pertumbuhan yang kondusif.

AA DxP

Lain-lain



APPLIED AGRICULTURAL RESOURCES SDN. BHD. (90455-D)

(An associate company of Boustead Holdings Berhad and Kuala Lumpur Kepong Berhad)

Satu Imbasan, Satu Kisah
Yang Menakjubkan

No. 11, Jalan Teknologi 3/6, Taman Sains Selangor 1, Kota Damansara, 47810, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

03-61517924/25/26/27/28

sales@aarsb.com.my

03-61517081

www.aarsb.com.my





CHB
Hextar • Baja



M P O B

The Planter's Choice



10.7-9.1-17.3-1.4 + B



7-3-30 + B + Si



Warehouse location

Maximize crop yield throughout the nation



Hextar Fert Sdn. Bhd. 198001010307 (64091-X)

No. 64, Jalan Bayu Laut 4/KS09, Kota Bayuemas, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: + 603 3003 3333 Fax: + 603 3003 3336 Website: www.hextar.com

Berita Bergambar



YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani, Menteri Perladangan dan Komoditi (KPK) (kiri) dan YBhg. Datuk Mohamad Helmy Othman Basha, Pengerusi MPOB (kanan) menanam pokok sawit klon CPS 3 sempena Majlis Anugerah Kecemerlangan MPOB 2023 pada 22-23 Januari 2024 bertempat di Ibu Pejabat MPOB, Bangi, Selangor.

YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani, Menteri Perladangan dan Komoditi (KPK) membuat lawatan ke gerai pameran MPOB sempena Seminar Palm Oil Economic Review and Outlook (R&O) 2024 pada 11 Januari 2024 bertempat di Hotel Pullman, Kuala Lumpur.



YB Datuk Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi (KPK) bergambar kenangan bersama penerima Skim Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITe) sempena Program Skim Insentif Pembiayaan (TSPKS 2.0) peringkat Negeri Sabah bertempat Dewan Sekolah Kebangsaan Sook, Keningau, Sabah pada 21 Februari 2024.



Taklimat kawalan penyakit Ganoderma dan perosak ulat bungkus yang dihadiri oleh pekebun kecil pada 11 Januari 2024 bertempat di Dewan Besar FELCRA Nasaruddin Belia, Bota, Perak.





Pertunjukan kaedah sempena Program Pemantapan MSPO 2.0 SPOC Q4 Simunjan dan Sebuyau pada 30 Januari 2024 bertempat Dewan Kg. Baru Simpang Simunjan, Semarahan, Sarawak.



Pekebun kecil bergambar kenangan sempena Program Taklimat Pensijilan MSPO, GAP, Ahli Kelab 30 Tan dan Skim Bantuan Kerajaan bertempat di Pusat Timbang Sawit KPSM Semporna, Kg. Lihak Semporna, Sabah.



Pegawai TUNAS menunjukkan kaedah pembajaan kepada pekebun kecil SPOC J23 Seri Medan sempena Taklimat Skim Bantuan Kerajaan dan ceramah teknikal bertempat di Balai Raya Kg. Parit Lintang Laman, Sri Medan, Batu Pahat, Johor pada 26 Februari 2024.



Pekebun kecil sawit yang menghadiri promosi Program Skim Insentif Pembiayaan Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit 2.0 (TSPKS 2.0) bertempat di Dewan Masyarakat Bakong, Miri, Sarawak pada 29 Februari 2024.

TEMPAHAN IKLAN DALAM WARTA SAWIT

MPOB mempelawa syarikat-syarikat dan usahawan-usahawan IKS tempatan yang menghasilkan apa-apa produk makanan/bukan makanan yang berminat untuk mengiklankan perniagaan, produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan sektor pekebun kecil sawit dalam *Warta Sawit*. Kos untuk pengiklanan bagi saiz A4 (halaman dalam dan berwarna) adalah RM2000, manakala saiz A4 (kulit belakang buku dan berwarna) adalah RM3000. Diskaun RM1000 diberikan kepada syarikat yang membuat tempahan iklan untuk tiga keluaran berturut-turut. Bayaran hanya perlu dibuat selepas invoice dikeluarkan oleh MPOB. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Sekretariat Warta Sawit
Tel: 03-8769 4258
wartasawit@mpob.gov.my

Tarikh akhir pesanan iklan dalam *Warta Sawit* adalah seperti berikut:

Warta Sawit Bil.	Keluaran	Tarikh akhir tempahan penghantaran iklan dan cek
87(2)/ 2024	Mei-Ogos 2024	30 Julai 2024
88(3)/ 2024	September-Disember 2024	30 November 2024
89(1)/ 2025	Januari-April 2025	30 Mac 2025

SLIP TEMPAHAN

Ketua Pengarah MPOB
6 Persiaran Institusi
Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor

U/P: Pn. Nurul Safinaz Nor Fauzi - Unit Khidmat Pengembangan
Bahagian Pengembangan Pekebun Kecil dan Pensijilan

Syarikat kami berminat untuk menempah iklan dalam *Warta Sawit* MPOB. Sila tandakan (✓) dalam kotak berkenaan:

<input type="checkbox"/> Halaman dalam A4 (warna)	<input type="checkbox"/> (satu keluaran) RM2000	<input type="checkbox"/> (tiga keluaran) RM5000
<input type="checkbox"/> Kulit belakang (warna)	<input type="checkbox"/> RM3000	<input type="checkbox"/> RM8000

Nama Syarikat:	
Alamat:	No. Tel:
	No. Faks:
Nama Pegawai:	
E-mel:	Warta Sawit Bil:

Tandatangan

Tarikh


CR-MAG

Let your plant guide its own growth



REDUCED LEACHING
Optimize your investment

FLEXIBLE APPLICATION
Possibility to apply once a year



In growth phase, the plant releases organic acids into the soil and converts CR-MAG into Mg^{2+} ions then absorbed by the roots.

- ✓ Increase efficiently the **MAGNESIUM LEAF CONTENT**
- ✓ Improves **N and P ABSORPTION**
- ✓ Optimize the **VEGETATIVE GROWTH**
- ✓ **CO-OPERATE WITH POTASSIUM (K)** input



TESTED AND TRUSTED IN MALAYSIA PALM OIL ESTATE



NEW GENERATION OF MAGNESIUM FERTILIZER





PENGEMASKINIAN DATA LESEN PEKEBUN KECIL



Penulis:
Nursuhana Dahari
nursuhana@mpob.gov.my

Pengenalan

Pekebun kecil persendirian (PKP) ditakrifkan mengikut peraturan pelesenan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 sebagai individu yang memiliki kawasan tanaman sawit dengan agregat kurang daripada 40.46 ha (100 ekar). Secara purata pemilikan tanah PKP di Malaysia adalah sekitar 3.8 ha. PKP yang telah menanam sawit perlu mendapatkan lesen pekebun kecil sebelum mereka mula menjual buah sawit yang dituai. Pendaftaran lesen pekebun kecil boleh dibuat secara percuma dalam talian melalui portal E-lesenPK yang disediakan oleh MPOB. Portal E-lesenPK telah dibangunkan pada tahun 2017 dan mula digunakan pada 2018.

Sehingga 31 Disember 2023, jumlah pekebun kecil persendirian yang telah berlesen dengan MPOB adalah 214 680 orang. Walau bagaimanapun, data pekebun kecil persendirian ini tidak dikemas kini secara berkala oleh PKP terutama yang melibatkan maklumat penting seperti pertukaran alamat surat-menyurat dan nombor telefon. Ini menyebabkan mereka sukar dihubungi oleh MPOB untuk menyampaikan maklumat terkini terutamanya berkaitan insentif yang disediakan oleh kerajaan untuk pekebun kecil sawit.

Kaedah Pelaksanaan

Sehubungan dengan itu, MPOB telah mengambil inisiatif untuk menggalakkan pekebun kecil

persendirian tampil mengemas kini data lesen mereka melalui pelaksanaan Kempen Kemas Kini Maklumat Pekebun Kecil Persendirian. Kempen ini telah bermula pada 1 Januari 2024 dan akan tamat pada 31 Disember 2024. Melalui inisiatif kempen ini, PKP dapat mengemas kini maklumat lesen mereka secara percuma di mana PKP tidak perlu membayar fi pindaan maklumat lesen bernilai RM50. Hebahan berkenaan pelaksanaan kempen ini telah dikeluarkan di semua platform media sosial rasmi MPOB seperti Facebook, Instagram, Tik Tok dan Youtube (Rajah 1).




Rajah 1. Poster hebahan kempen kemas kini maklumat pekebun kecil sawit persendirian.

Kaedah Pengemaskinian Data Lesen Pekebun Kecil

Pekebun kecil persendirian boleh mengemas kini maklumat lesen sama ada melalui portal E-lesenPK yang boleh dilayari menggunakan

komputer, telefon bimbit atau boleh hadir ke pejabat MPOB yang berhampiran (*Rajah 2*).

Kempen kemas kini maklumat pekebun kecil ini akan membantu lebih ramai pekebun kecil persendirian mengemas kini maklumat berkaitan lesen mereka secara percuma. Adalah diharapkan agar semua PKP mengambil peluang ini sementara peluang masih dibuka.



Rajah 2. Carta alir kaedah pengemaskinian data lesen pekebun kecil.

DIARI & PROGRAM

(MEI – OGOS 2024)

Tarikh	Program	Tempat	Sebarang pertanyaan, sila hubungi:
ZON TENGAH			
28/5/2024	Program Hari Bertemu Pelanggan	Pusat Timbang Nordin Kaliwon Kg. Ulu Cuchoh, Sg. Pelek, Sepang, Selangor	Pn. Nur Hana Basaruddin Penyelaras TUNAS Zon Tengah Tel: 03-8769 4400 <i>nurhana@mpob.gov.my</i>
12/6/2024		Pusat Timbang Sin Seng Kee, Telok Panglima Garang, Kuala Langat, Selangor	
ZON TIMUR 1			
6/5/2024	Program Hari Bertemu Pelanggan	Pusat Timbang Sawit Segajla Juta, Sri Jaya, Maran, Pahang	En. Mohd Khairul Anwar Isnin Penyelaras TUNAS Zon Timur 1 Tel: 09-296 0580 <i>khairulanwar@mpob.gov.my</i>
28/5/2024		Tanjung Cempaka, Pekan, Pahang	
11/6/2024		Pusat Timbang KPSM Temerloh, Gunung Senyum, Temerloh	
11/6/2024		Paya Rambutan, Kuantan	
27/6/2024		Orang Asli Tenggalong, Rompin, Pahang	
29/5/2024 dan 6/6/2024	Program Latihan Taklimat GAP/MSPO	Balai Raya Bukit Rok, Bera/Chenor, Maran, Pahang	
ZON TIMUR 2			
8/5/2024	Program Hari Bertemu Pelanggan	Balai Raya Kg. Bukit Diman	Pn. Zurilawati Zainal Penyelaras TUNAS Zon Timur 2 Tel: 09-572 9177 <i>zurizainal@mpob.gov.my</i>
25/5/2024		Dewan Orang Ramai Kg. Tok Dor	
6/6/2024		KPSM Machang, Kg. Beoh, Bachok	
27/5/2024	Program Latihan Taklimat GAP/MSPO	Dewan Orang Ramai Tok Dor dan Balai Raya Kg. Bukit Hulu Nerus	
12/6/2024		Balai Raya Kg. Matang	
22/8/2024		Dewan Orang Ramai Tok Dor dan Balai Raya Kg. Bukit Hulu Nerus	
10/7/2024	Lain-lain Program Kursus dan Latihan	Dewan Sivik Kg. Jerung Marang dan Dewan Sivik Kuala Ping	
ZON SELATAN 1			
14/5/2024	Program Hari Bertemu Pelanggan	Kg. Belukar Juling	Pn. Nazirah Che Jafar Penyelaras TUNAS Zon Selatan 1 Tel: 07-789 1133 <i>nazirah@mpob.gov.my</i>
16/6/2024		Dewan Serbaguna Kota Jaya	
31/7/2024		PPK Pengerang	

Tarikh	Program	Tempat	Sebarang pertanyaan, sila hubungi:	
ZON SELATAN 1				
7/5/2024	Program Latihan Taklimat GAP/MSPO	PPK Benut/ Pt. Hj. Karim/ PPK Tenggarayun/ Api Api dan Hj. Mansor Enterprise	Pn. Nazirah Che Jafar Penyelaras TUNAS Zon Selatan 1 Tel: 07-789 1133 <i>nazirah@mpob.gov.my</i>	
12/6/2024		Kg. Perpat		
26/6/2024		Kg. Lukut		
11/8/2024		PPK Benut, Pt. Hj. Karim, PPK Tenggayun, Api Api dan Hj. Mansor Enterprise		
25/8/2024		Kg. Baru Cina Seelong		
7-8/5/2024	Lawatan Sambil Belajar kepada Pekebun Kecil	Lawatan ke Ibu Pejabat MPOB, Ternakan ITe dan IKS		
19/5/2024	Kursus Sehari Sawit Bersama Pekebun Kecil	Felcra Sg. Ara		
30/5/2024		Perniagaan Keng Ann Rubber Sdn. Bhd.		
ZON SELATAN 2				
23/5/2024	Program Hari Bertemu Pelanggan	Balai Raya Kg. Paya Redan Pagoh	Pn. Hasmiza Desa Penyelaras TUNAS Zon Selatan 2 Tel: 07-454 5128 <i>hasmiza@mpob.gov.my</i>	
27/5/2024		Kompleks Penghulu Sungai Balang		
29/5/2024		Balai Raya Parit Bulat		
9/6/2024		Kg. Pt. Hj. Arif, Kg. Pt. Lapis Simis dan Kg. Pt. Ulong		
10/6/2024		Kg. Sri Mendapat, Kg. Hj. Ghaffar, Kg. Desa Jaya, Kg. Pt. Hj. Ali, Kg. Cahaya Baru dan Pt. Hj Abd Hamid		
11/6/2024		Kg. Pt. Pulai, Kg. Pt. Laman dan Kg. Pt. Singgahan		
12/6/2024		Kg. Pt. Bahru, Kg. Pt. Sri Muar dan Kg. Bahru		
13/6/2024		Perusahaan Makin Semarak		
13/6/2024		Kg. Pt. Hj. Abd Hadi, Kg. Pt. Othman dan Kg. Pt. Gantong		
16/6/2024		Kg. Temehel, Kg. Desa Temu Jodoh dan Kg. Sg. Berlian		
25/6/2024		Kompleks Penghulu Bukit Kepong		
27/6/2024		Balai Raya Lenga Batu 30		
2/7/2024		Kompleks Penghulu Parit Jawa		
9/7/2024		Madrasah Parit Masjid		
23/7/2024		Kompleks Penghulu Seri Menanti		
1/8/2024		Balai Raya Kg. Jawa, Segamat/ KPSM Segamat/ Balai Raya Mukim Pogoh/ KPSM Segamat		
13/8/2024		Kg. Parit Zain, Johor		
28/7/2024		Kursus Sehari Sawit Bersama Pekebun Kecil		Bukit Gambir, Johor
20/8/2024				Pusat Bimbingan Usahawan Tani, Pagoh
25/8/2024				Kg. Orang Asli Segamat Kecil

Tarikh	Program	Tempat	Sebarang pertanyaan, sila hubungi:
ZON SABAH 1			
26/6/2024	Program Hari Bertemu Pelanggan	KPSM Beaufort/ Pusat Timbang Melabau/ Pusat Timbang Sara Diri	<p>En. Amran Arifin Penyelaras TUNAS Zon Sabah 1 Tel.: 088-493 700 <i>amranarifin@mpob.gov.my</i></p>
4/7/2024		Dewan Kg. Marak Parak, KPSM Kota Marudu	
4/7/2024		KPSM Keningau, Sook Oil Mill dan Keningau Palm Oil Mill	
14/8/2024		KPSM Kemabong Tenom, Pandewan Oil Mill dan Mb Colleting Center	
21/8/2024		KPSM Sikuati dan KPSM Matunggong	
28/8/2024		KPSM Beaufort/ Pusat Timbang Melabau/ Pusat Timbang Sara Diri	
19/6/2024	Kursus Sehari Sawit Bersama Pekebun Kecil	Dewan Kg. Bingolon, Kudat dan Dewan Perpustakaan Kudat	
27/6/2024		Dewan Kg. Mangkapon Darat, Pitas	
23/7/2024		Nurseri Langkon, Kilang Kelapa Sawit Pitas dan KKS Langkon	
9/8/2024	Program Latihan Taklimat GAP/MSPO	Dewan Kg. Salimandut, Kota Marudu dan Kg. Marak Parak	
29/8/2024		Kg. Suang Duyung, Pitas	
20/6/2024	Program Menteri Bersama Pekebun Kecil	Dewan Masyarakat Kota Marudu	
23/7/2024	Lawatan Sambil Belajar kepada Pekebun Kecil	Nurseri Langkon, Kilang Kelapa Sawit Pitas dan KKS Langkon	
ZON SABAH 2			
20/6/2024	Program Hari Bertemu Pelanggan	KPSM Tongod (Linayukan) dan Dewan Serbaguna Pinangah	<p>Pn. Siti Rashidah Michael Penyelaras TUNAS Zon Sabah 2 Tel.: 089-868 969/556/373/188 <i>rashidah.michael@mpob.gov.my</i></p>
25/6/2024		KPSM Sukau Berhad, Kg. Sukau	
2/7/2024		KPSM Kinabatangan Berhad, Kg. Sinar Jaya	
15/7/2024		Pejabat Daerah Semporna dan KPSM Semporna	
16/7/2024		KPSM Paris Berhad dan Kg. Paris 2	
27/8/2024		KPSM Sukau Berhad dan Kg. Sukau	
ZON SARAWAK 1			
26/6/2024	Program Hari Bertemu Pelanggan	Pusat Timbang KPSM, Lubok Antu Balai Ruai Rh. Kumpang Paoh Balai Ruai Rh. Sebang Sebeliau Asal Balai Ruai, Kg. Sayat	<p>En. Khairul Abidin Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 2 Tel.: 085-427 166 <i>khairul.abidin@mpob.gov.my</i></p>
13/7/2024		Balai Babuk Barum, Bunan Gega Pusat Khidmat Dun Tebedu, Tebedu Ramp Sggt, Tarat	
17/7/2024		Pusat Khidmat Ahli Parlimen Julau dan Sarikei	
17/7/2024		Pasar Konawit dan Ramp Ada Tenaga, Pasai Siong	
18/7/2024		Pasar Selangau dan Ramp Jugah, Simpang Sangan	

KUMPULAN TK TANI

- TK Tani Enterprise Sdn Bhd
- Inai Utama Sdn Bhd
- Tunas Services Enterprise
- TA Global Services

• **Sijil CoPN**

• **Lesen MPOB**



Johor : 532203-011000

Melaka : 532200-011000

Ejen Biji Benih Untuk



Juga Membekal Anak Benih



**Pemenang Anugerah Tapak Semaian
Terbaik Di Malaysia Dalam Anugerah
Industri Sawit 2014 Anjuran MPOB - MPIC**



Terbukti Mutu Terjamin !



**Kami Mungkin Bukan Tapak Semaian Sawit Yang Terbesar
Tetapi Kami Adalah Tapak Semaian Yang Terbaik !**



Ibu Pejabat

No. 6, Jalan SS2/39, 47300 Petaling Jaya, Selangor.
Tel: +603-7877 7366 / +603-7877 7466 Fax: +603-7877 7166
E-mail: tktuntan@gmail.com / inaiutamasb@gmail.com

Encik Tan Kim Tun +6019-337 5570

Encik Kel Vin Tan +6017-640 8982

Semaian

No. 58, Kg. Sialang Asahan, 77100 Asahan, Melaka.
Encik Tan Kim Hoo 013-651 2168 Tel: 06-523 6134

PRESTASI SAWIT

PRESTASI HARGA SAWIT DI PASARAN JANUARI-APRIL 2024



Penulis:
Ayatollah K. Ab Rahman; Nazlin
Ismail dan Johari Minal
ayat@mpob.gov.my;
snazlin@mpob.gov.my dan
johari@mpob.gov.my

Prestasi harga minyak sawit mentah (MSM) pada tahun 2023 terus kekal stabil melebihi paras harga RM3000.00/tan semenjak 2021. Harga MSM direkodkan pada RM3809.50/tan pada 2023 dan paras harga ini adalah jauh lebih tinggi berbanding RM2685.50/tan yang direkodkan pada 2020. Namun, prestasi harga MSM pada 2023 sudah tentulah tidak dapat menandingi prestasi harga luar biasa yang telah dicapai pada 2022. Harga MSM telah merekodkan prestasi terbaik dalam sejarah pada 2022, di mana harga MSM telah mencapai paras tertingginya pada RM5087.50/tan disebabkan oleh ketidakseimbangan di antara penawaran dan permintaan terhadap minyak sayuran dunia kesan daripada pasca Covid-19, peperangan yang meletus di antara Rusia-Ukraine dan polisi Indonesia yang menghadkan eksport minyak sawitnya bagi mengawal kenaikan harga minyak masak di pasaran tempatan.

Kestabilan harga MSM telah menyumbang kepada kestabilan harga BTS di pasaran pada 2023. *Jadual 1* menunjukkan prestasi harga bulanan BTS yang dilaporkan oleh pengilang kepada MPOB mengikut wilayah pada 2023. Bagi wilayah Semenanjung, harga tertinggi dan terendah masing-masing direkodkan pada RM865.00/tan (April) dan RM716.00/tan (Jun). Manakala bagi Sabah dan Sarawak harga tertinggi masing-masing direkodkan pada April iaitu RM803.00/tan dan RM794.00/tan. Harga BTS yang kekal stabil ini merupakan rahmat kepada pemain-pemain industri sawit terutamanya pekebun kecil, di mana pendapatan mereka terus kekal stabil walaupun berdepan dengan ketidakpastian iklim ekonomi dunia pada 2023.

Secara keseluruhannya, pengeluaran MSM, hasil buah tandan segar (BTS), kadar perahan minyak (KPM) dan stok minyak sawit telah

mengalami peningkatan pada 2023 berbanding 2022. Sebaliknya, jumlah dan nilai eksport minyak sawit telah mengalami sedikit penyusutan pada 2023 berbanding tahun sebelumnya (*Jadual 2*).

Pengeluaran MSM telah mengalami sedikit peningkatan iaitu 0.50% kepada 18.55 juta tan berbanding 18.45 juta tan pada 2022. Manakala, hasil purata BTS bagi sektor ladang telah menyaksikan peningkatan sebanyak 1.90% kepada 15.79 tan/ha pada 2023 berbanding 15.49 tan/ha pada 2022. Bagi KPM pula, ia telah mengalami peningkatan sebanyak 0.80% kepada 19.86% pada 2023 berbanding 19.70% pada 2022. Sebaliknya, eksport minyak sawit telah berkurang sebanyak 3.70% kepada 15.13 juta tan pada 2023 berbanding 15.71 juta tan pada 2022. India masih mengekalkan kedudukannya sebagai pasaran eksport utama minyak sawit Malaysia pada 2023 dengan jumlah eksport sebanyak 2.84 juta tan atau 18.80% daripada jumlah eksport minyak sawit. Pendapatan eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit pula telah menyusut sebanyak 27.10% kepada RM94.95 bilion pada 2023 berbanding tahun sebelumnya.

Kesan daripada peningkatan dalam pengeluaran MSM dan penurunan dalam eksport minyak sawit telah menyebabkan stok akhir minyak sawit mengalami peningkatan. Stok akhir minyak sawit pada 2023 telah meningkat sebanyak 4.30% kepada 2.29 juta tan berbanding dengan 2.20 juta tan pada 2022.

Prestasi Harga Sawit 2024

Jadual 3 menunjukkan prestasi harga MSM, isirung sawit (IR) dan BTS bagi tempoh Januari-Mac 2024 berbanding Januari-Mac 2023. Harga MSM telah meningkat sebanyak 0.1% kepada RM3990.50/tan pada Januari-Mac 2024 berbanding RM3987.00/tan pada Januari-Mac 2023. Manakala harga IR sawit pula telah meningkat sebanyak 9.9% kepada RM2250.50/tan bagi tempoh masa yang sama. Peningkatan harga MSM dan IR sawit ini telah menyumbang kepada peningkatan harga BTS kepada RM41.70/KPM 1% atau bersamaan RM816.00/tan bagi tempoh Januari-Mac 2024 berbanding dengan RM811.00/tan pada Januari-Mac 2023.

JADUAL 1. PRESTASI HARGA BUAH TANDAN SEGAR (BTS) 2023

Bulan	Semenanjung		Sabah		Sarawak	
	RM/KPM 1%	RM/tan	RM/KPM 1%	RM/tan	RM/KPM 1%	RM/tan
Jan	40.44	789	36.24	728	36.46	721
Feb	40.35	761	36.11	716	36.36	711
Mac	43.18	830	38.76	786	39.04	768
Apr	43.70	865	39.26	803	39.56	794
Mei	39.19	774	34.90	719	35.29	707
Jun	36.55	716	32.43	664	32.55	643
Jul	40.11	779	36.00	722	36.11	701
Ogo	39.58	778	35.22	727	35.50	705
Sep	38.50	767	34.12	703	34.30	684
Okt	37.38	758	33.50	696	33.62	674
Nov	38.38	765	34.13	705	34.26	685
Dis	38.02	741	33.75	678	33.95	672

Nota: Merupakan harga purata BTS yang dilaporkan oleh pengilang minyak sawit kepada MPOB (RM/KPM 1%) dan didarabkan dengan purata KPM mengikut wilayah bagi mendapatkan harga BTS dalam unit tan.

Faktor-faktor yang menyumbang kepada prestasi harga yang lebih baik pada Januari-Mac 2024 berbanding tempoh masa yang sama pada 2023 adalah eksport minyak sawit yang mengukuh, stok minyak sawit yang menyusut di bawah 2.0 juta tan, harga minyak kacang soya yang meningkat, harga minyak mentah Brent yang mengukuh dan nilai ringgit yang lemah berbanding dolar Amerika telah menjadikan minyak sawit lebih berdaya saing berbanding minyak sayuran yang lain.

Menurut unjuran pakar, prestasi industri sawit pada 2024 dijangka lebih baik berbanding pada 2023. Berdasarkan kertas kerja yang dibentangkan oleh Datuk Ketua Pengarah MPOB di Seminar *Palm Oil Economic Review and Outlook (R&O)* pada 11 Januari 2024, berikut merupakan unjuran petunjuk prestasi bagi industri sawit pada 2024:

- i) Pengeluaran MSM diunjurkan akan meningkat kepada 18.75 juta tan pada 2024 berbanding 18.45 juta tan pada 2023 atau peningkatan sebanyak 1.6%.
- ii) Jumlah dan nilai eksport minyak sawit diunjurkan masing-masing akan meningkat kepada 15.60 juta tan dan RM110.0 bilion berbanding 15.13 juta tan dan RM94.95 bilion pada 2023.
- iii) Stok akhir minyak sawit diunjurkan akan merosot kepada 1.95 juta tan pada 2024 berbanding 2.29 juta tan pada 2023.
- iv) Harga MSM diunjurkan akan meningkat di antara RM3900 hingga RM4200 satu tan pada 2024 berbanding RM3809.50 satu tan

pada 2023. Peningkatan harga MSM ini disebabkan oleh jangkauan:

- Bekalan minyak sawit dunia untuk pasaran eksport yang terhad kesan daripada peningkatan adunan biodiesel sawit daripada 30% kepada 35% oleh kerajaan Indonesia.
- Pertumbuhan pengeluaran minyak sawit dunia yang perlahan pada 2024 kesan daripada fenomena *El Nino* (panas melampau) yang melanda negara pengeluar minyak sawit pada 2023.
- Peningkatan permintaan eksport minyak sawit daripada negara pengimport utama seperti India dan China.
- Stok minyak sawit kembali menyusut di bawah 2.0 juta tan.

Prestasi industri sawit yang lebih baik pada suku tahun pertama 2024, merupakan petanda awal bahawa industri sawit Malaysia akan lebih bersinar pada tahun ini. Namun cabaran utama adalah jangkauan pengeluaran BTS dan MSM yang menyusut kesan daripada fenomena *El Nino* yang melanda negara pada 2023. Oleh itu, pekebun kecil sawit diingatkan untuk terus mengamalkan amalan pertanian yang baik bagi memastikan pendapatan dapat dioptimumkan melalui peningkatan pengeluaran BTS.

**JADUAL 2. PETUNJUK PRESTASI TERPILIH INDUSTRI SAWIT MALAYSIA
(2023 dan 2022)**

Indikator	2023	2022	Beza	
			Kuantiti/ nilai	(%)
Keluasan (ha)				
Malaysia	5 652 569	5 674 742	(22 173)	(0.4)
Semenanjung	2 518 883	2 544 307	(25 423)	(1.0)
Sabah	1 510 025	1 508 060	1 964	0.1
Sarawak	1 623 661	1 622 374	1 286	0.1
Hasil BTS (tan/ha)				
Malaysia	15.79	15.49	0.30	1.9
Semenanjung	16.09	16.41	(0.32)	(2.0)
Sabah	16.39	15.39	1.00	6.5
Sarawak	14.75	14.13	0.62	4.4
OER (%)				
Malaysia	19.86	19.70	0.16	0.8
Semenanjung	19.64	19.57	0.07	0.4
Sabah	20.40	20.25	0.15	0.7
Sarawak	19.83	19.47	0.36	1.8
Pengeluaran MSM (tan)				
Malaysia	18 551 950	18 453 420	98 530	0.5
Semenanjung	9 825 140	10 161 330	(336 190)	(3.3)
Sabah	4 507 460	4 286 665	220 795	5.2
Sarawak	4 219 350	4 005 425	213 925	5.3
Eksport				
Jumlah (tan)	24 487 045	24 713 142	(226 097)	(0.9)
Nilai (RM juta)	94 948.96	130 224.10	(35 275.14)	(27.1)
Jumlah Stok Akhir (tan)				
	2 290 793	2 196 574	94 219	4.3
Harga (RM/tan)				
BTS (Harga kilang)	778.00	1 087.00	(309.00)	(28.4)
MSM (Hantaran tempatan)	3 809.50	5 087.50	(1 278.00)	(25.1)
Isirung sawit (Harga kilang)	2 016.00	3 118.00	(1 102.00)	(35.3)
CPKO (Hantaran tempatan)	3 896.00	6 327.00	(2 431.00)	(38.4)

Sumber: MPOB (2024).

JADUAL 3. PRESTASI HARGA SAWIT TERPILIH

Item	2023	2024	Beza (RM)	Beza (%)
	(Jan-Mac)	(Jan-Mac)		
MSM – Hantaran Tempatan (RM/ tan)	3 987.00	3 990.50	3.50	0.1
IR – Di Pintu Kilang (RM/ tan)	2 048.50	2 250.50	202.00	9.9
BTS – Di Pintu Kilang:				
- RM/KPM 1%	41.32	41.70*	0.38	0.9
- RM/ tan**	811.00	816.00*	5.00	0.6

Nota: *Harga unjuran; ** Harga purata BTS bagi Semenanjung Malaysia yang dilaporkan oleh pengilang BTS (pada KPM 1%) didarabkan dengan purata KPM Semenanjung Malaysia.

PELADANG JAYA



Penulis:
Khairul Abidin dan Sahila
Fanieza Morni
khairul.abidin@mpob.gov.my

'BEKERJA SELAGI SIHAT'



Hari demi hari usia semakin meningkat tetapi bukanlah penghalang untuk terus bekerja mencari rezeki buat keluarga tersayang. Cukup dengan berbekalkan semangat yang tinggi dan kesihatan yang baik. Itulah pegangan seorang pekebun kecil yang berjaya di kawasan Niah-Suai, Batu Niah, Sarawak iaitu En. Emparan Anak Ngalambong, 56 tahun.

Menetap di rumah panjang Tuai Rumah Changgai Anak Dali, Sungai Sah, Ulu Niah, beliau telah berkahwin dan hasil daripada perkongsian hidup bersama isterinya Lila Anak Sujang, beliau dikurniakan dua orang anak lelaki yang kini sudah berkahwin dan mempunyai cahaya mata.

Beliau mula menceburi bidang penanaman sawit pada usia 37 tahun dengan berbekalkan pengalaman sebagai kontraktor menyemai biji benih sawit di tapak semaian sawit Pertubuhan Peladang Kawasan Subis (PPKS) pada tahun 2001. En. Emparan mempunyai tapak kebun yang berkeluasan 39.75 ha, mula menanam sawit pada tahun 2004 dan diikuti pada 2012. Hasil bulanan BTS tertinggi pada tahun 2021 adalah sebanyak 93.09 tan atau purata 26.2 tan/ha/tahun manakala bagi tahun 2022 sebanyak 97.37 tan atau purata 28.1 tan/ha/tahun. Selain itu juga, dalam tempoh selama 19 tahun, beliau juga pernah menanam tanaman lain seperti getah, lada dan koko serta ternakan seperti ayam dan itik.

Pada awal pembabitan dalam bidang penanaman sawit, beliau belajar sendiri dan menerima khidmat nasihat dari agensi luar mengenai cara-cara mengurus tanaman sawit. Kini amat mudah baginya untuk mendapatkan maklumat dan nasihat berkaitan amalan pertanian baik dengan adanya bantuan khidmat nasihat daripada Pegawai TUNAS Kawasan dengan menyertai kursus, taklimat yang dianjurkan.

Sepanjang pembabitan beliau dalam bidang penanaman sawit, beliau turut mendorong orang kampung untuk bersama-sama mengusahakan tanaman sawit. Dengan adanya kemudahan jentera miliknya, beliau dapat membantu orang kampung yang berminat untuk menanam sawit dengan menyediakan kawasan tanaman. Pada masa hadapan, beliau juga mempunyai perancangan untuk menanam semula sawit di kawasan seluas 13 ha bagi meningkatkan kadar produktiviti dan pendapatan beliau. Selain itu juga, beliau telah menyerahkan tanah kebun yang sudah bertanam sawit dan menghasilkan buah tandan segar (BTS) kepada anak-anaknya untuk diambil alih. Ini bertujuan supaya kebun tersebut diusahakan terus dan dijaga dengan baik oleh anak-anaknya serta digunakan untuk menampung keluarga mereka pada masa akan datang memandangkan usia beliau semakin meningkat.

Ahli Lembaga Koperasi

Sepanjang pembabitan beliau dalam industri sawit, beliau telah dilantik menjadi salah seorang dari ahli lembaga koperasi (ALK) bagi Koperasi Niah-Suai Berhad dan memegang jawatan sebagai bendahari. Dalam organisasi tersebut, beliau sentiasa memberi komitmen yang tinggi



Jentera yang beliau miliki hasil daripada tanaman sawit.

“Bagi beliau, sekiranya badan tidak aktif, tubuh badan tidak akan mengeluarkan peluh dan badan akan menjadi sakit.”

dan menyumbang idea serta pandangan kepada perniagaan Koperasi Niah-Suai.

Pengurusan Kebun Sawit

Beliau sentiasa memastikan penjagaan kebun mengikut amalan agronomi yang betul sehingga kebun beliau telah dianugerahkan Sijil Amalan Pertanian Baik (GAP - *Good Agriculture Practices*) pada tahun 2017. Pembajaan dilakukan tiga kali setahun dengan kadar 3 kg/pokok dengan menggunakan baja sebatian CCM44 dengan nisbah NPK Mg 12:6:22:3.

Pemangkasan pula dilakukan sebanyak dua kali setahun dan meninggalkan dua pelepah di bawah tandan sawit terakhir pada setiap kali kerja penuaian dilakukan. Pelepah yang telah dipangkas disusun dengan rapi antara barisan pokok. Ini supaya kerja penyelenggaraan kebun lebih mudah dan dapat mengekalkan kelembapan tanah.

Kerja-kerja meracun rumput juga dilakukan sebanyak dua atau tiga kali setahun dengan menggunakan racun campuran *Glyphosate isopropylammonium* bergantung kepada keadaan kebun. Beliau turut mengekalkan rumput lembut di kebun sawit.

Memastikan Kualiti BTS Terbaik

Dalam kerja penuaian BTS, beliau sentiasa memastikan untuk menuai mengikut piawaian buah masak berwarna oren-kemerahan dan ada sebiji buah relai gugur. Penuaian BTS dilakukan selang 10 sehingga 14 hari sekali dan hasil tersebut akan dikumpul dan dihantar menggunakan lori kepunyaan beliau sendiri ke Pusat Timbang Koperasi Niah-Suai Berhad dalam tempoh kurang dari 12 jam untuk memastikan kualiti BTS yang baik. Berkat hasil kerja dan kegigihan beliau dalam penanaman sawit, kini beliau mempunyai sebuah lori dan sebuah kereta pacuan empat roda bersama jentera untuk kegunaan sendiri dalam pengurusan penyelenggaraan kebun sawit.

Inilah pegangan beliau semasa berkecimpung dalam industri sawit, di mana selagi tubuh badan kita masih sihat, jangan berhenti bekerja dan jangan berputus asa. Bak kata pepatah hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Bagi beliau, sekiranya badan tidak aktif, tubuh badan tidak akan mengeluarkan peluh dan badan akan menjadi sakit. Tambahan juga, niat beliau bekerja adalah untuk membahagiakan keluarga dan mengumpul harta untuk kesenangan keluarganya pada masa akan datang.


Direktori M P O B

Pejabat	Alamat	No. Telefon dan Faks
Ibu Pejabat	Datuk Dr. Ahmad Parveez Hj. Ghulam Kadir Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia 6 Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.	Tel.: 03-8769 4400 Faks: 03-8925 9642
Pejabat Wisma Sawit	Pn. Iptisam Abdul Wahab Pengarah Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor.	Tel.: 03-7802 2800 Faks: 03-7803 3533
Pejabat MPOB Wilayah	En. Zamri Mohd Salleh Ketua Wilayah Tengah MPOB Wilayah Tengah Wisma Dura Lot PT 11545, No. 3, Jalan P/9B, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.	Tel.: 03-8911 0000 Faks: 03-8911 0006
	En. Khairil Husni Ahmad Ketua Wilayah Timur MPOB Wilayah Timur Lot PT 76920, Bangunan MPOB, Bandar Indera Mahkota, 25000 Kuantan, Pahang.	Tel.: 09-572 9696 Faks: 09-572 9876
	En. Mohd Noor Azam Ayob Ketua Wilayah Utara MPOB Wilayah Utara 11.02, Tingkat 11, Wisma Pantai, Jalan Kg. Gajah, 12200 Butterworth, Pulau Pinang.	Tel.: 04-323 0490/0526 Faks: 04-323 0527
	En. Mohd Fairuz Mohd Hanapiah Ketua Wilayah Selatan MPOB Wilayah Selatan 02-11, Blok H, Komersial Southkey 1, Kota Southkey, 81200 Johor Bahru, Johor.	Tel.: 07-3383 472/473/474 Faks: 07-3383 531
	En. Yakup Ibrahim Ketua Wilayah Sabah MPOB Wilayah Sabah Pusat Maklumat dan Taman Sawit (OPPIC) Lot 1, Jalan A1, KKIP Timur, off Jalan Norowot, 88460 Kota Kinabalu, Sabah.	Tel.: 088-493 700/702/703/705 Faks: 088-493 706/709
	En. Murphy Solomon Ketua Wilayah Sarawak MPOB Wilayah Sarawak Tingkat 4, Crown Towers, 88, Jalan Pending, 93450 Kuching, Sarawak.	Tel.: 082-342 871/484 051 Faks: 082-342 876

	Alamat	No. Telefon dan Faks
Penyelaras TUNAS	Pn. Nurhana Basaruddin Penyelaras TUNAS Zon Tengah 6 Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor.	Tel.: 03-8911 4259 Faks: -
	Pn. Nazirah Che Jaafar Penyelaras TUNAS Zon Selatan 1 Stesen Penyelidikan MPOB Kluang, KM11, Jalan Johor Tenggara, Beg Berkunci 532, 86009 Kluang, Johor.	Tel.: 07-789 1133 Faks: 07-789 2282
	Pn. Hasmiza Desa Penyelaras TUNAS Zon Selatan 2 Pejabat MPOB Cawangan Parit Raja, No. 11A, 13A, 15A, Jalan Kelisa 1, Taman Kelisa Utama, 86400 Batu Pahat, Johor.	Tel.: 07-454 5128 Faks: 07-454 5110
	En. Mohd Khairul Anwar Isnin Penyelaras TUNAS Zon Timur 1 Pejabat MPOB Cawangan Temerloh, Lot 2123, Tingkat 2, Bangunan Tabung Haji, 28000 Temerloh, Pahang.	Tel.: 09-2960 580 Faks: 09-2969 470
	Pn. Zurilawati Zainal Penyelaras TUNAS Zon Timur 2 Stesen Penyelidikan Hulu Paka, Lot 2074, Bandar Ketengah Jaya, Beg Berkunci No. 4, 23000 Bandar Ketengah Jaya, Terengganu.	Tel.: 09-5729 177 Faks: 09-5729 017
	En. Muhammad Nizamuddin Mohamed Penyelaras TUNAS Zon Utara Pejabat MPOB Cawangan Hilir Perak, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 Teluk Intan, Perak.	Tel.: 05-623 4104 Faks: 05-623 7562
	En. Amran Arifin Penyelaras TUNAS Sabah 1 Pusat Maklumat dan Taman Sawit (OPPIC), Lot 1, Jalan A1, KKIP Timur, off Jalan Norowot, 88460 Kota Kinabalu, Sabah.	Tel.: 088-493 700/702/703/705 Faks: 088-493 706/709
	Pn. Siti Rashidah Michael Penyelaras TUNAS Zon Sabah 2 Stesen Penyelidikan Lahad Datu, KM 10, Jalan Tengah Nipah, Beg Berkunci No. 4, 91109 Lahad Datu, Sabah.	Tel.: 089-868 969/556/373/188 Faks: -
	Dr. Mohamad Arfan Johari Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 1 Stesen Penyelidikan MPOB Sessang, Kompleks MPOB, Jalan Saratok/Roban Lama, Beg Berkunci No. 69, 95407 Saratok, Sarawak.	Tel.: 083-436 252 Faks: 083-436 254
	En. Khairul Abidin Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 2 Pejabat Cawangan Miri, Lot 1177 dan 1178, Tingkat 4, Miri Waterfront, Jalan Permaisuri, 98000 Miri, Sarawak.	Tel.: 085-427 166 Faks: 085-427 437

PROGRAM TANAM SEMULA PEKEBUN KECIL SAWIT

SKIM INSENTIF PEMBIAYAAN TANAM SEMULA PEKEBUN KECIL SAWIT 2.0 (TSPKS 2.0)



Membantu
meringankan beban
keuangan pekebun
kecil bagi
melaksanakan
penanaman semula
sawit



Hanya **50%**
bayaran balik
daripada
keseluruhan nilai
dana yang
disalurkan.

SYARAT PERMOHONAN

- Warganegara Malaysia 18 - 60 tahun. Jika > 60 tahun, perlu peminjam bersama (anak/pasangan).
- Pekebun kecil persendirian dengan jumlah pemilikan tanah tidak melebihi 6.5 hektar (Semenanjung) dan tidak melebihi 10 hektar (Sabah & Sarawak).
- Memiliki sawit berusia lebih 25 tahun/tidak produktif.
- Memiliki lesen MPOB.

DOKUMEN DIPERLUKAN

1. Salinan Kad Pengenalan
2. Salinan Geran Tanah / dokumen pengesahan pemilikan tanah oleh jabatan berkaitan.
3. Salinan Lesen MPOB

KADAR
KEUNTUNGAN

2%

KADAR PEMBIAYAAN

RM14,000

PER HEKTAR (SEMENANJUNG)

BAYARAN
BALIK
BERMULA

**TAHUN
KE-5**

LUAS
LULUS
MAKSIMUM

6.5
HEKTAR

RM18,000

PER HEKTAR (SABAH & SARAWAK)

KELEBIHAN PEMBIAYAAN

- ✓ Lulus Segera
- ✓ Tanpa Cagaran
- ✓ Ansuran Mudah
- ✓ Tanpa Penjamin



Borang permohonan boleh diperolehi di semua
Pejabat **MPOB & Agrobank** bermula
15 Januari 2024

Imbas kod QR dibawah
dan pilih SKIM TSPKS 2.0





BUKIT SIPUT
RESOURCES SDN. BHD.

BENIH KELAPA SAWIT

OIL PALM SEEDLING

Benih Sawit Berkualiti Tinggi
High Quality DxP Seedlings

Penganugerahan Sijil COPN
Awarded COPN

Melebihi 40 Tahun Pengalaman
40+ Years Experience (Est 1968)



Perkhidmatan Pengangkutan Semenanjung Malaysia
Delivery Throughout Peninsular Malaysia

07-6512492 www.bsrsb.com
fb.com/oilpalmseedling